



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

11 MAC 2026 (RABU)

Bekas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Quaza Nizamuddin dilantik sebagai Pengerusi Baharu Farm Fresh

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Dagang News	Terkini	Dalam Talian	10 Mac



KUALA LUMPUR 10 Mac – Farm Fresh Bhd melantik bekas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Quaza Nizamuddin A Hassan Nizam sebagai Pengerusi baharu berkuat kuasa 9 Mac 2026.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Farm Fresh berkata beliau akan memegang jawatan Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif.

Berdasarkan laporan tahunan Farm Fresh 2025, Quaza, 69, mula dilantik ke Lembaga

Pengarah pada September 2021.

Beliau memiliki pengalaman lebih 37 tahun dalam bidang perubatan veterinar dan pengeluaran ternakan.

Quaza memulakan kerjaya dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia sebagai pegawai veterinar di Negeri Sembilan dari 1984 hingga 1989, sebelum dinaikkan pangkat sehingga menjadi Ketua Pengarah pada 2017 sehingga bersara pada 2020.

Kini, beliau juga berkhidmat sebagai Profesor Adjung di Taylor's University Malaysia dan sebagai Pengarah Majlis Ekuestrian Malaysia.

Beliau turut memegang jawatan pengarah di beberapa syarikat swasta.

Pelantikan itu adalah untuk menggantikan Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas yang meninggal dunia akibat kanser pada Disember tahun lalu.-[DAGANGNEWS](#)

50 Peratus Pengeluaran Daging Lembu Tempatan Disasar Menjelang 2030

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Nasional	Dalam Talian	10 Mac



Gambar dari Harakah Daily

POKOK SENA, 10 Mac – Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) menyasarkan pengeluaran daging lembu tempatan meningkat kepada 50 peratus menjelang tahun 2030 bagi meningkatkan tahap sara diri negara.

Pengerusinya, Datuk Wira Mahfuz Omar berkata, ketika ini pengeluaran daging lembu tempatan hanya sekitar 15 peratus melalui ternakan yang diusahakan oleh ahli peladang serta usahawan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan

Keterjaminan Makanan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai usaha sedang dilaksanakan termasuk penglibatan beberapa agensi berkaitan dalam sektor ternakan.

“Kita sedang berusaha mencapai sasaran kementerian untuk meningkatkan tahap sara diri daging lembu kepada 50 peratus menjelang 2030.

“Usaha ini melibatkan kerjasama pelbagai agensi

termasuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar, selain peruntukan daripada LPP kepada Pertubuhan Peladang Negeri bagi memperkasa ternakan lembu berskala besar,” katanya kepada RTM selepas Majlis Penyerahan Zakat dan Bantuan Geran LPP serta Majlis Berbuka Puasa di sini, Kedah.

Menurut beliau, peruntukan turut disalurkan kepada Pertubuhan Peladang Negeri di lima negeri iaitu Pahang, Terengganu, Selangor, Perak dan Johor yang dikenal pasti berpotensi untuk pembangunan ternakan lembu secara berskala besar.

Pada majlis sama, Datuk Wira Mahfuz turut menyerahkan bantuan geran bernilai RM900,000 kepada 15 peserta di bawah Program Rise Up 2026.

Bantuan tersebut meliputi pembiayaan pengeluaran agromakanan merangkumi sektor tanaman, ternakan dan akuakultur selain pembangunan industri makanan asas tani melibatkan produk makanan dan bukan makanan, pemasaran, kejenteraan ladang serta pengangkutan.-

[BERITARTM](#)

Rampasan Ayam, Daging Sejuk Beku Bernilai RM374,010 Di Kudat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sabah News Today	Tempatan	Dalam Talian	11 Mac



Gambar dari Sabah News Today

KUDAT: Produk ayam dan daging sejuk beku bernilai RM374,010.80 dirampas dalam satu operasi penguatkuasaan yang dijalankan di sebuah rumah di Jalan Pinagsu di sini pada Isnin.

Operasi tersebut melibatkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Daerah Kudat bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kudat.

Hasil pemeriksaan mendapati premis berkenaan dipercayai

Keterjaminan Makanan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai usaha sedang dilaksanakan termasuk penglibatan beberapa agensidijadikan tempat penyimpanan produk ayam dan daging sejuk beku dalam kuantiti besar.

Pemeriksaan lanjut turut menemukan tiga unit kemudahan penyimpanan sejuk (cold storage) yang digunakan untuk menyimpan pelbagai jenis kotak ayam dan daging beku.

KKM Daerah Kudat turut menemukan beberapa produk makanan yang telah tamat tempoh, antaranya sejak tahun 2022, 2023, 2025 serta Januari 2026.

Perbuatan itu dipercayai melanggar Peraturan 38(1)(c) Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 serta Peraturan 11 kerana gagal memastikan premis berada dalam keadaan bersih dan selamat.

Semua produk terlibat telah dirampas untuk tindakan lanjut, manakala pihak berkuasa menegaskan pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dipergiat bagi menjamin keselamatan makanan.-

[SABAHNEWTODAY](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR